

05 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Kestabilan)

KEJAYAAN TERBESAR BN WUJUD KESTABILAN POLITIK BERKEKALAN

PENAMPANG, 5 Mac (Bernama -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kejayaan terbesar Barisan Nasional (BN) ialah mewujudkan kestabilan politik yang berkekalan di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, kestabilan politik hanya boleh diwujudkan oleh kerajaan BN melalui dasar yang dirancang dan diterima oleh semua kaum.

Kestabilan politik perlu untuk memastikan semua kaum dapat menikmati kemakmuran negara, kata beliau ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Moyog, dekat sini.

Dr Mahathir berkata, apabila sesebuah negara aman, golongan peniaga dapat menjalankan perniagaan tanpa sebarang kekacauan.

Beliau berkata kestabilan politik dan ekonomi serta keamanan juga menjadi faktor menyebabkan Malaysia menjadi tarikan lebih 2 juta pendatang asing untuk mencari pekerjaan.

Malaysia dapat mengecapi pertumbuhan ekonomi lebih pesat tanpa bantuan luar seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana wujudnya keamanan dalam negara, katanya.

Perdana Menteri juga memuji sumbangan masyarakat Cina dalam mengukuhkan ekonomi negara terutama ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

"Kekuatan ekonomi negara terletak pada keupayaan kita serta kecekapan masyarakat pedagang yang kebanyakan terdiri daripada kaum Cina," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan BN akan terus berlaku adil kepada semua kaum bagi mencapai kemakmuran negara.

BN tidak mewakili hanya satu kaum maka sebab itulah ia meletakkan calon dari pelbagai kaum, katanya.

Perdana Menteri berkata tidak ada kaum yang akan diberi layanan istimewa.

"Kita berlaku adil kepada semua kaum dan sebab itulah...negara boleh membangun lebih pesat daripada mana-mana negara," kata Dr Mahathir.

Beliau juga memberi jaminan bahawa UMNO tidak akan membentuk kerajaan tanpa penyertaan parti-parti komponen BN.

"Kita akan menubuhkan kerajaan mewakili pelbagai kaum, baik pada peringkat pusat mahupun negeri," kata beliau.

-- BERNAMA

HAK FAZ